

“Tiang-tiang Binaan Islam”

Pada kali ini kita hidangkan pula kepada para pembaca sebuah hadith yang berhubung dengan tiang-tiang binaan Islam, yang mana dengan tiang-tiang yang lima inilah Islam didirikan. Kalau seseorang Islam tidak berpegang teguh dengan dasar-dasar Islam yang diterangkan oleh hadith ini, maka ia itu belum lagi dianggap sebagai seorang Islam yang tulen dan sejati. Ikutilah huraian hadith ini dengan teliti.

(oleh: Azmi)

‘An ‘Abdillāh ibn ‘Umar raḍī ‘anhumā qāla: Qāla Rasūlullāh ṣal‘am: “Buniya al-Islām ‘alā khamsin: Shahādati an lā ilāha illā Allāh wa anna Muḥammadan Rasūlullāh, wa ‘iqāmi al-ṣolāh, wa ‘itā‘i al-zakāh wa al-ḥajj wa ṣawmi ramaḍān””
(Rawāhu al-Bukhārī wa Muslim)

Ertinya: Daripada ‘Abd Allāh ibn ‘Umar raḍī Allāh ‘anhumā berkata: Rasul Allāh ṣal‘am telah bersabda: “Didirikan Islam itu atas lima tiang: Mengucap (menyaksikan) bahawa sesungguhnya tiada Tuhan yang sebenarnya melainkan Allah, dan sesungguhnya Nabi Muhammad itu pesuruh Allah, dan mendirikan sembahyang, dan mengeluarkan zakat dan haji dan puasa Ramaḍān.”

Huraiannya

Rasulullah ṣal‘am telah memperbandingkan punca-punca agama Islam yang lima itu dengan suatu bangunan yang terdiri daripada batu, papan, simen, tanah, besi dan lain-lain. Sebagaimana bangunan itu tersusun daripada beberapa bahan konkrit yang kukuh dan kuat, begitu jugalah agama Islam didirikan di atas sebuah asas atau *foundation* yang teguh dan di atas *foundation* yang kukuh

kuat itulah dibina rukun-rukun Islam yang yang merupakan pengakuan (seperti syahadah) dan amalan (seperti sembahyang, zakat, haji dan puasa).

Setelah bangunan Islam itu siap dibina, maka ia perlu pula dihiasi dengan perhiasan-perhiasan yang berupa sifat-sifat takwa, ihsan, berbudi pekerti yang baik, suka berjihad *fi sabilillāh* (berkorban di jalan Allah), ikhlas, amanah dan sebagainya, sebagaimana juga sesebuah rumah atau bangunan itu perlu kepada perhiasan-perhiasan yang berupa gambar-gambar, kerusi meja, kain langsir, lampu-lampu yang berwarna-warni dan seterusnya untuk menambahkan kecantikan rumah itu.

Pokok-Pokok Binaan Islam:

1. Syahadah atau memberikan pengakuan dengan segenap hati dan berikrar dengan lidah, bahawasanya tiada Tuhan yang sebenarnya yang wajib disembah, tempat meminta sesuatu pertolongan, tempat mengadu sesuatu hal selain daripada Allah *Subḥānahu wa Ta‘ālā*, yang menjadikan sesuatu dengan kekuasaan-Nya, yang mentadbirkan alam ini dengan kebijaksanaannya. Ada pun menyembah selain daripada Allah seperti yang

dilakukan oleh manusia-manusia yang tidak dapat hidayah dan pertunjuk sehingga sanggup mereka itu bertuhankan matahari, bulan, binatang-binatang, patung-patung berhala, maka perbuatan mereka itu adalah salah dan syirik. Sebenarnya telah menipu diri mereka sendiri dengan meninggalkan al-Khāliq, yang memberi nikmat ke atas mereka dan berpaling kepada *al-makhlūq* yang tidak memberi apa-apa manfaat dan mudarat kepada diri mereka. Tetapi bagi kita yang telah mengaku bahawa Islam itu agama Allah yang sebenarnya, wajiblah melafazkan pengakuan dengan segenap hati dan lidah bahawa tiada Tuhan yang kita sembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah. Kemudian dari itu kita disuruh pula untuk memberikan pengakuan dan berikrar dengan hati dan lidah bahawasanya Nabi Muhammad yang diutus oleh Allah untuk memberikan pertunjuk terhadap seluruh manusia ke arah jalan yang benar oleh seorang Rasulullah. Memberi pengiktirafan di atas keesaan Allah dan memberi pengakuan di atas kerasulan Nabi Muhammad ṣal‘am itu adalah sebagai anak kunci untuk membuka pintu besar memasuki gerbang kebahagiaan hidup dunia dan akhirat di dalam agama Islam. Dengan melalui pintu syahadah inilah baharu seseorang

manusia itu diakui sebagai seorang pemeluk Islam yang sah di sisi Allah, tetapi selagi ia tidak mengucap dua kalimah syahadah dengan hati dan lidahnya, maka selama itu ia tidak diakui sebagai seorang Islam, sekalipun ia mengerjakan sembahyang, puasa, zakat, dan haji, segala amalan yang dikerjakannya itu akan menjadi sia-sia belaka.

2. Sembahyang: Asas Islam

yang kedua ialah mendirikan sembahyang. Asal erti sembahyang itu ialah doa dan menyerahkan diri kepada Allah dengan khusyuk dan tawaduk demi untuk mempereratkan perhubungan jiwa di antara seorang hamba dengan Tuhan yang menjadikannya, mengharapkan limpah rahmat yang tiada berkeputusan, membersihkan hati dari segala kejahatan di dalam menghadapi pancaroba hidup, melatih diri supaya bersifat ikhlas dan menjauhkan diri dari perasaan sombong, takbur dan bermuka-muka serta membiasakan diri supaya hidup berdisiplin, tahu menjaga waktu, menjaga kebersihan dan kesihatan badan. Di dalam sembahyang itu kita diperintahkan supaya membaca beberapa potong daripada ayat-ayat Qur'an supaya memahami akan makna-makna dan tujuannya dengan harapan supaya dapat dijadikan panduan hidup di dunia dan di akhirat. Sayugia diingat bahawa sembahyang adalah sebagai tiang suri di dalam pembinaan Islam. Kerana sewaktu sembahyang yang akan diwajibkan ke atas umat Nabi Muhammad, baginda dijemput sendiri oleh Tuhan untuk menerimanya, bukan melalui Malaikat Jibril seperti

ibadat-ibadat yang lain. Oleh yang demikian berhubung dengan ibadat sembahyang ini Nabi pernah bersabda di dalam hadithnya yang berbunyi: **“Al-ṣolāt ‘imād al-dīn, wa man aqāma al-ṣolāh faqad aqāma al-dīn, wa man tarkihā faqad hadama al-dīn”** ertinya: (Sembahyang itu adalah tiang agama, barang siapa yang mendirikan sembahyang maka sesungguhnya ia telah mendirikan akan agama dan barang siapa yang meninggalkannya maka sesungguhnya ia telah meruntuhkan akan agama). Perhatikanlah! Sungguh berat sekali hukuman yang dijatuhkan oleh Rasulullah terhadap orang-orang Islam yang meninggalkan sembahyang, mereka dicap dan dianggap sebagai orang-orang yang dengan sengahaja¹ meruntuhkan agama mereka. Betapa pula beratnya hukuman Allah ke atas mereka yang telah meruntuhkan agama itu? Dapatlah difikirkan bersama oleh setiap kaum muslimin.

3. Zakat : Zakat ialah mengeluarkan sebahagian kecil daripada harta yang dimiliki oleh seseorang kepada fakir miskin dengan tujuan untuk meringankan tanggungan mereka menghadapi kehidupan di alam penderitaan, dan melepaskan mereka dari bahaya perasaan putus harapan dalam menghadapi kesengsaraan hidup damai pada ini. Zakat juga dapat mengeratkan perhubungan jiwa di antara orang-orang golongan atasan yang hidup senang lenang dengan orang-orang golongan bawah yang hidup menderita dan simpang perenang, dari perhubungan jiwa itu akan menjelmalah, rasa saling cinta mencintai, kasih mengasihi di antara dua golongan manusia yang mempunyai corak hidup yang berlainan itu.

Orang-orang hartawan tidak akan dapat hidup dengan cara bersendirian kalau tidak ada tenaga buruh yang diberikan oleh orang-orang dari golongan marhaen. Begitu pula sebaliknya orang miskin tidak akan dapat hidup dengan sempurna kalau tidak ada bantuan-bantuan mata benda yang dihulurkan oleh orang-orang kaya, kedua golongan ini hendaklah hidup di dalam suasana saling bantu membantu di antara satu sama lain. Kalau rasa kasih mengasihi di antara dua golongan ini tidak dapat diwujudkan di dalam sesuatu masyarakat, maka suasana aman damai tidak akan ada di dalam masyarakat itu, kalau suasana aman damai tidak dapat dilaksanakan, maka sudah tentu keadaan masyarakat itu akan menjadi satu masyarakat yang kucar kacir keadaannya.

Oleh itu di dalam Sūrah al-Baqarah ayat (261) Tuhan ada menegaskan dengan firman-Nya yang bermaksud: “Bandingan (pahala) orang-orang yang membelanjakan hartanya di jalan Allah adalah seperti satu biji yang menumbuhkan tujuh tangkai, pada tiap-tiap satu tangkai itu ada mengandungi seratus biji. Dan Allah akan menggandakan pahala kepada siapa-siapa yang dikehendaknya dan Allah itu luas pemberiannya ia adalah Tuhan Yang Amat Mengetahui”

Membelanjakan harta di jalan Allah sebagaimana firman Tuhan di dalam surah di atas termasuklah bersedekah; berkhairat berderma, amal jariah dan zakat, yang mana ganjaran pahalanya akan diperlipat gandakan sebanyak tujuh kali oleh Allah.

Selain dari itu si kaya

¹ ejaan sebenarnya sengahaja

akan selalu bersyukur ke hadirat Allah yang telah memberikan kepadanya nikmat yang sebegitu banyak di atasnya sehingga ia boleh hidup senang lenang, tidak pernah merasai kelaparan dan kehausan di sepanjang tahun. Sudah sewajarnya ia mengeluarkan sebahagian kecil daripada harta kekayaan – sebagaimana yang telah ditentukan oleh syarak – demi untuk membantu saudara-saudaranya yang seagama di dalam menghadapi gelandang hidup kemiskinan damai pada ini. Akan terfikir olehnya bahawa sebahagian daripada harta kekayaan yang telah dianugerahkan oleh Tuhan kepadanya itu adalah hak kepunyaan orang-orang yang hidup menderita sebagaimana yang telah ditentukan oleh Allah bahawa sedekah-sedekah (zakat) itu adalah dihaskan untuk delapan asnaf yang tertentu iaitu fakir miskin, amil-amil (tukang-tukang pemungut zakat), orang-orang muallaf yang baru masuk Islam, untuk memerdekakan hamba, orang yang berhutang kerana menunaikan perintah Allah, untuk perjuangan di jalan Allah, orang yang keputusan perbelanjaan di dalam pelayaran. Orang yang delapan asnaf (jenis) inilah yang mempunyai hak untuk menerima barang-barang sedekah atau zakat yang mesti dikeluarkan oleh para hartawan pada setiap tahun.

4. Puasa Ramadhan: Selain daripada satu ibadat yang diwajibkan Allah ke atas orang-orang Islam, maka puasa juga dapat menanamkan semangat bertimbang rasa terhadap sesama manusia, terutama terhadap manusia yang sentiasa hidup dikelubungi oleh suasana susah dan menderita. Seseorang itu tidak dapat mengukur

setakat mana penderitaan yang dialami oleh seseorang itu, melainkan sesudah ia sendiri merasa bagaimana pahit getirnya penderitaan yang ditanggung oleh seseorang yang hidup di dalam kemiskinan, yang kadang-kadang terpaksa mengikat perut sehari-harian untuk menahan kelaparan.

Oleh sebab itulah maka Tuhan menurunkan perintah berpuasa kepada setiap orang Islam yang akil baligh dan sihat tubuh badannya sama ada dia itu kaya mahu pun miskin, berbangsa atau pun rakyat jelata dengan tujuan supaya si kaya yang sentiasa hidup senang dan perutnya selalu penuh dengan makanan-makanan yang lazat cita dapat sama merasakan bagaimana pedih dan azabnya kehidupan yang dijalani oleh manusia yang hidup di dalam serba-serbi kekurangan itu. Dengan itu si kaya akan insaf bagaimana pahit maungnya penderitaan hidup yang dilalui oleh si fakir miskin di dalam sepanjang tahun, kerana mereka sendiri telah dapat merasakan bayangan hidup menderita (kelaparan dan kehausan), di dalam amalan puasa yang dilakukannya selama sebulan dalam masa setahun itu.

5. Haji ke Baytullāh al-Ḥarām:

Haji adalah rukun Islam yang kelima. Tempat orang-orang Islam diwajibkan mengerjakan amalan haji itu ialah di tanah suci Makkah al-Mukarramah atau biasa dibayangkan oleh al-Qur’ān sebagai **“al-balad al-amīn”** negeri yang aman. Di sanalah dilahirkan junjungan besar Nabi Muhammad ṣal’am dan beberapa orang sahabatnya yang terkenal, dan di atas bumi Makkah yang suci itulah

Tuhan mendirikan rumah ibadat yang pertama di muka bumi ini – iaitu Baytullāh al-Ḥarām.

Selain daripada suatu ibadat yang diwajibkan oleh Tuhan kepada setiap orang-orang Islam yang akil baligh dan mempunyai kemampuan, maka haji itu mempunyai tujuan-tujuan yang tertentu di dalam permasalahatan seluruh umat Islam. Pada setiap tahun beratus ribu kaum muslimin dari seantero dunia datang ke tempat yang satu dengan tujuan yang satu, pakaian yang satu menghadapi rumah Allah Yang Maha Agung yang terletak di tengah-tengah Masjid al-Ḥarām. Kemudian mereka diperintahkan pula berkumpul di suatu padang – Padang Arafah – dengan berzikir, bertahlil dan bertakbir dengan suara yang satu, sembahyang, tawaf dan sai dengan cara yang satu pula, ke semua amalan ini adalah merupakan perpaduan seluruh umat Islam yang terdiri berbagai-bagai bangsa dan kaum, bermacam-macam warna kulit dan negeri, selaras dengan firman Allah di dalam al-Qur’ān yang maksudnya: Kami telah menjadikan kamu lelaki dan perempuan dan menjadikan kamu bersuku bangsa dan berpuak-puak dengan tujuan supaya kamu dapat berkenal-kenalan di antara satu sama lain.

Dengan amalan haji ini juga Islam menggalakkan supaya penganut-penganutnya berani belayar, merantau keluar negeri mengharungi lautan yang lebar luas demi untuk mencari keredaan Allah, dan demi untuk mencari pengalaman hidup dengan menyaksikan dengan mata kepada mereka sendiri akan bekas-bekas perjuangan yang ditinggalkan oleh pejuang-pejuang Islam di zaman silam. Kerana

memperingati perkara-perkara yang telah berlalu itu akan mendatangkan faedah dan manfaat kepada orang-orang mukminin – begitulah yang ditegaskan oleh al-Qur’ān al-Karīm.

Tujuan yang terbesar sekali di dalam ibadat haji ialah: Berkenal-kenalan, dengan berkumpulnya seluruh umat Islam yang datang dari seantero dunia di suatu tempat yang ditentukan iaitu “Padang Arafah” dengan cara pakaian yang satu, seruan suara yang satu dan niat yang satu, maka di sana dapatlah mereka berjumpa dan berkenal-kenalan di antara satu sama lain. Dengan cara berkenal-kenalan ini mereka dapat sama-sama bertukar fikiran, bermesyuarat dengan mengadakan suatu kongres agung untuk memikirkan kemajuan-kemajuan yang

mesti dicapai oleh sesebuah negara Islam yang masih berada di dalam keadaannya lemah dalam segala segi dan jurusan. Dengan adanya perjumpaan setahun sekali di antara pembesar-pembesar negara-negara Islam, di antara saudagar-saudagar Islam, di antara para ulama Islam dan seterusnya di antara seluruh kaum muslimin dapatlah mereka itu itu memperbincangkan soal-soal kemajuan Islam dalam segi politik, ekonomi, perjuangan dan masyarakat.

Kalaulah ke semua golongan umat Islam yang terdiri daripada berbagai-bagai bangsa yang datang mengunjungi kota suci Makkah itu faham betul-betul akan tujuan yang terkandung di dalam ibadat haji itu, maka sudah tentu dari setahun ke setahun keadaan umat

Islam akan dapat diperbaiki dengan adanya semangat tolong menolong dan di XXX² bantu membantu yang tertanam di dalam setiap jiwa umat Islam.

Dalam setiap musim haji pemimpin-pemimpin Islam, penganjur-penganjur Islam, pembesar-pembesar Islam, saudagar-saudagar Islam dan para ulama Islam dapat bertemu muka mengadakan suatu perjumpaan untuk sama memperbincang dan memikirkan soal-soal mengenai seluruh umat Islam sedunia dari segi politik, ekonomi, ilmu pengetahuan, pergaulan masyarakat dan juga mengenai pertadbiran undang-undang Islam yang sedang di dalam keadaan yang tidak memuaskan dunia Islam di hari ini.



Puan Dasimah Dasir (wakil pergerakan kaum ibu UMNO) sedang memberikan pendapatnya mendesak kerajaan supaya menubuhkan pasukan wanita Malaysia, pendapat ini dikemukakan di dalam Majlis Persidangan UMNO yang ke-19 di Kuala Lumpur baru-baru ini.

² perkataan tidak boleh dibaca